

Malaysia ada mekanisme hadapi kelembapan ekonomi

UM 16 SEP 2001

SEREMBAN 15 Sept. — Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamad yakin Malaysia mempunyai mekanisme dan pengalaman dalam menghadapi kemungkinan kelembapan ekonomi ekoran serangan di Amerika Syarikat (AS), Selasa lalu.

Sehubungan itu, beliau berkata, pelbagai langkah fiskal dapat dirangka pada mesyuarat pertama MTEN pada Isnin ini selepas kejadian tersebut.

“Kita ada mekanisme untuk tangani masalah ini dan pengalaman semasa menghadapi masalah (kegawatan ekonomi) yang lalu,” katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis Program Gerak Bersepadu Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Sembilan di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengumumkan langkah-langkah fiskal dalam menghadapi kelembapan ekonomi yang lebih teruk ekoran kejadian serangan di negara berkenaan.

Menurut Mustapa, Malaysia juga mempunyai kemampuan dalam menangani masalah tersebut yang disifatkan hanya mempunyai kesan yang sedikit ke atas ekonomi negara dan bukannya satu kesan luar biasa.

“Malah, kerajaan telah mengadakan perbincangan dengan semua pihak termasuk sektor swasta dan organisasi perdagangan terbabit sejourus sehari selepas serangan itu berlaku di Amerika Syarikat.

“Perbincangan ini memang selalu diadakan tetapi sekarang kita kena memperbanyakkan perbincangan tersebut bagi merangka satu strategi bagi memantapkan ekonomi negara,” ujarnya.

Mustapa menegaskan, kerajaan perlu membuat penelitian dan analisis yang lebih mendalam bagi menangani masalah yang mungkin timbul dengan mendapatkan maklum balas daripada sektor swasta.